



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA
DAN INTEGRASI NASIONAL**

DRAF TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERTAMBAH MUTU
YANG BERHORMAT DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PELANCARAN PROGRAM GERAK RAHMAH 2023:
JOM GERAK MUHIBAH**

23 SEPTEMBER 2023 (SABTU)

8.00 PAGI

**KRT KASTURISARI, PRESINT 14, BANDAR SUNGAI BUAYA
HULU SELANGOR, SELANGOR**

Selamat Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada saudara pengacara majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

PENDAHULUAN

- 1) Pertama sekali, marilah kita panjatkan rasa kesyukuran kerana dengan dapat berkumpul pada pagi ini bersempena dengan **Pelancaran Program Gerak Rahmah 2023: Jom Gerak Muhibah** yang dilaksanakan secara **serentak di seluruh negara**.
- 2) Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada **YB Datuk Haji Rizam Bin Haji Ismail, Exco Kemajuan Desa dan Perpaduan Negeri Selangor** atas kesudian bersama-sama dalam program ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Yang Berhormat atas pelantikan sebagai Exco dan semoga agenda perpaduan di negeri ini akan dapat terus diperkukuhkan di bawah portfolio Yang Berhormat.

PROGRAM GERAK RAHMAH

Hadirin yang saya hormati,

- 3) Program Gerak Rahmah merupakan salah satu pengisian di bawah Program Komuniti Rahmah yang bermula pada awal tahun ini. Program ini bertujuan untuk memperkasa dan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti di peringkat komuniti melalui Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang menjadi peneraju keselamatan, kesejahteraan

dan keharmonian dalam masyarakat. Menerusi program ini pelbagai aktiviti yang menjurus kepada aspek perpaduan, kesejahteraan, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar digerakkan berdasarkan empat gerak kerja KRT iaitu **KRT Sejahtera, KRT Selamat, KRT Sihat serta KRT Bersih dan Indah.**

- 4) Di bawah Program Gerak Rahmah ini pelbagai pengisian telah dilaksanakan pada setiap bulan bermula bulan Januari 2023 iaitu Jom Ziarah Perpaduan, Jom Sihat, Jom Ronda SRS, Jom Masak Bubur Lambuk, Jom Bersih & Indah serta Jom Gerak Muhibah pada hari ini. Setiap program yang dilaksanakan mensasarkan sekurang-kurangnya 40% daripada KRT aktif menyertainya.
- 5) Justeru itu, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada KRT di seluruh negara yang telah mengambil bahagian dalam Program Jom Gerak Muhibah pada hari ini. Saya amat berharap agar KRT dapat memainkan tugas dan fungsinya secara lebih aktif dan berkesan dalam mendukung aspirasi negara untuk membangunkan masyarakat MADANI.

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-12 DAN LONJAKAN PERANAN KRT

- 6) Pada 11 September 2023 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah membentangkan **Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas yang bertemakan Malaysia Madani: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi.** Antara lain, YAB Perdana Menteri menyebut bahawa kajian ini merupakan **jaminan teguh daripada Kerajaan untuk menjelmakan tuntutan reformasi yang**

didambakan rakyat dengan usaha dan upaya memaknai semangat Malaysia MADANI berteraskan Ekonomi MADANI.

- 7) Sebagai PENERAJU dan PENGGERAK dalam komuniti, saya melihat betapa pentingnya peranan KRT diperkasakan dalam membantu Kerajaan mencapai matlamat ini seperti yang digariskan dalam dokumen kajian tersebut yang secara jelas melalui Strategi A2: Memupuk Budaya Masyarakat MADANI seperti berikut:

“Rukun Tetangga akan diperkasa sebagai penggerak dan pengantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan pada peringkat akar umbi”.

- 8) Seajar dengan aspirasi tersebut, maka Kementerian sedang menyediakan rangka kerja **Pemeriksaan Rukun Tetangga Sebagai Penggerak Masyarakat Progresif**. Inisiatif ini sangat penting dan amat diperlukan bagi melonjakkan peranan KRT daripada tahap sedia ada ke tahap yang lebih efisien dan cemerlang. Ini kerana pembangunan komuniti KRT yang **inklusif** merupakan antara indikator penting membentuk masyarakat progresif.
- 9) Selain itu, telah sampai masanya juga KRT berubah mengikut perubahan yang berlaku di dalam dan di luar persekitarannya. Pendekatan dan aktiviti yang tidak lagi relevan perlu diubah suai serta diselarikan mengikut keperluan dan cabaran semasa di peringkat komuniti dan negara. Program dan aktiviti di peringkat komuniti tidak lagi boleh dibuat secara adhoc tanpa perancangan yang teliti, sebaliknya perlu dirangka berdasarkan profiling kawasan

yang menjadi rujukan dalam penyediaan pelan tindakan kejiiran masing-masing.

- 10) Program yang bersifat “touch & go” juga perlu diperlahankan, sebaliknya program yang **berimpak tinggi, berfokus, berinovatif dan berstruktur** perlu dipertingkatkan untuk membina komuniti yang **sejahtera, berkualiti dan mampan**. Di samping itu, Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (JKRT) juga perlu memastikan program-program yang dirangka adalah **tepat kepada kumpulan sasar, dapat memenuhi keperluan komuniti, sentiasa mempunyai nilai tambah** (value added), **value for money** dan **low cost high impact**.

Para hadirin yang saya hormati

- 11) Pada hari ini saya telah berkesempatan melawat beberapa projek yang dilaksanakan oleh KRT Kasturisari Prestin 14 dan KRT Melatisari 2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada kedua-dua KRT ini yang telah berjaya melaksanakan projek yang memberi manfaat yang besar kepada komuniti masing-masing khususnya dalam menjana pendapatan dan membantu mengurangkan kos sara hidup. Inisiatif yang dilaksanakan oleh kedua-dua KRT ini wajar menjadi rujukan dan contoh kepada KRT-KRT lain.
- 12) Kejayaan KRT ini menunjukkan pentingnya Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga menyedia dan menganalisa profiling kawasan masing-masing untuk menentukan sumber lokaliti yang ada dan mengoptimumkan penggunaannya, meningkatkan pengupayaan dan penyertaan aktif komuniti dalam projek yang dilaksanakan di samping

menjana usaha semua pihak secara bersepadu dalam pelbagai sektor untuk menjayakan projek tersebut.

Para hadirin yang saya hormati

13) Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh Jawatankuasa Penganjur di atas kejayaan program pada hari ini iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan KRT Kasturisari Presint 14, KRT Presint 11 Mawarsari, KRT Melatisari 2, KRT Taman Kemboja Seri, KRT Melatisari 3 dan KRT Meluarsari serta terima kasih juga kepada semua rakan-rakan strategik perpaduan seperti:

- Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Jabatan Pendidikan
- Jabatan Penerangan
- Jabatan Penyiaran
- Jabatan Belia dan Sukan
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
- Jabatan Bomba & Penyelamat
- *Sungai Buaya Cycling Club (SBCC)*

serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini.

14) Saya difahamkan Kayuhan Perpaduan yang dianjurkan oleh KRT dengan kerjasama Sungai Buaya Cycling Club telah berjaya menarik penyertaan seramai 500 orang. Tahniah dan syabas diucapkan.

- 15) Jaringan kerjasama ini merupakan suatu strategi yang amat baik kepada KRT mahupun kelab atau NGO tempatan dalam memastikan perpaduan terus menjadi asas kukuh kita sebagai rakyat Malaysia. Kepada semua peserta, gunalah peluang ini untuk saling berkenalan antara satu sama lain bagi mengeratkan lagi silaturrahim antara kita semua.
- 16) Harapan saya agar kerjasama antara pelbagai pihak dapat diteruskan dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa untuk menjayakan agenda perpaduan di negara ini.
- 17) Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih diatas penganjuran program ini. Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini.
- 18) Dengan ini saya merasmikan:

**PROGRAM GERAK RAHMAH 2023: JOM GERAK MUHIBAH
PERINGKAT KEBANGSAAN**

Sekian, terima kasih.